

UCAPAN PERASMIAN MAJLIS PERASMIAN PROGRAM GLOBAL MONEY WEEK 2023



TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA
PROF. DR. ASMADI BIN MOHAMED NAIM
NAIB CANSELOR**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM GLOBAL MONEY WEEK
2023 UniSHAMS - KWSP**

9.00 pagi

22 Mac 2023 (Rabu)

DTPHH,
UniSHAMS

Salurtasi

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العلمين. والصلوة و السلام على رسوله الأمين.

وعلى اله وصحبه أجمعين. أما بعد:

(Bismillahirrahmannirrahim,

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin,

Was-solatu was-salamu 'ala Rasulihil-amin,

Wa'ala aalihi wasohbihi ajma'in.. : amma ba'du)

Yang berusaha Saudara Pengerusi Majlis;

Yang Berusaha

Prof. Madya Dr. Wan Nazjmi bin Mohamed Fisol

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa

Yang Berusaha

Dr. Rohani binti Desa

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Yang Berusaha

Haji Mohd Fahmi bin Sheikh Omar

Pendaftar

Yang Berusaha

Puan Hajjah Molyna binti Mohd Annuar

Bendahari

Yang Berusaha

Dr Nadia Murshida binti Abd Azzis

Penasihat Undang-Undang

Yang Berusaha

Prof. Madya Dr. Yusuf Bin Haji Othman

Pengarah Pusat Pengajian dan Penyelidikan Kewangan Islam (UniSHAMS-CIFER)

UCAPAN PERASMIAN MAJLIS PERASMIAN PROGRAM GLOBAL MONEY WEEK 2023

**Yang Diraikan,
Puan Hasjun Hashim**
Ketua Pejabat Bank Negara Malaysia Pulau Pinang

En Sabri Hamid
Pengurus Kanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja – KWSP Wilayah Utara

Staf akademik dan pentadbiran Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), mahasiswa dan hadirin yang diraikan sekalian.

UCAPAN PERASMIAN MAJLIS PERASMIAN PROGRAM GLOBAL MONEY WEEK 2023

Asslamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

KATA PEMBUKA

Hadirin sekalian,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah berkat dan keizinan daripada-NYA dapat kita berkumpul dalam program *GLOBAL MONEY WEEK* UniSHAMS-KWSP 2023 anjuran UniSHAMS melalui Pusat Pengajian dan Penyelidikan Kewangan Islam (UniSHAMS-CIFER) bersama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) cawangan Sungai Petani bagi tahun ini.
2. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pengarah program dan seluruh ahli jawatankuasa kerja atas penganjuran *GLOBAL MONEY WEEK* UniSHAMS-KWSP 2023 ini. Saya difahamkan pihak CIFER menyahut pelawaan untuk bekerjasama bagi menjayakan program ini dalam tempoh yang sangat singkat bagi mewujudkan hasrat daripada rakan kerjasama *Financial Education Network* Bank Negara Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi menjayakan program ini. Untuk makluman semua, program ini adalah rentatan daripada siri Global Money Week peringkat antarabangsa yang telah berjalan sejak tahun 2012 di mana ianya dibentuk sebagai usaha memberikan pendekatan serta ilmu dalam perancangan kewangan peribadi kearah Kesejahteraan Kewangan masa hadapan rakyat.

Pada Hadirin Sekalian,

3. Isu berhubung kesejahteraan kewangan telah menjadi perhatian dan perbincangan dalam masyarakat merangkumi pelbagai lapisan umur dan latar belakang kehidupan. Krisis kewangan disebabkan pandemik Covid19, telah mengalihkan perhatian dunia ke arah kepentingan celik kewangan dalam kalangan individu. Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia termasuklah Malaysia merupakan krisis kesihatan yang mengancam

UCAPAN PERASMIAN MAJLIS PERASMIAN PROGRAM GLOBAL MONEY WEEK 2023

kelangsungan dan kesejahteraan hidup masyarakat serta memberi tekanan kewangan kepada individu yang terlibat.

4. Disamping itu tahun 2023 adalah tahun yang sangat penting bagi semua pihak untuk berubah dalam aspek pengurusan kewangan. Dalam menjaga jurang ekonomi dan tahap kemiskinan yang menjadi iltizam negara, isu kesejahteraan kewangan individu harus diberikan keutamaan kerana ia memberi impak yang sangat signifikan kepada negara, sosial dan ekonomi masyarakat. Pelan Sektor Kewangan 2022-2026 merumuskan kesejahteraan kewangan kepada keupayaan seseorang individu dalam memenuhi obligasi kewangan semasa, kekal berdaya tahan terhadap kejutan pendapatan, mencapai matlamat kewangan masa hadapan dan membuat keputusan kewangan bagi meningkatkan kualiti hidup secara keseluruhan, disamping mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh bagi menghadapi rintangan kewangan di luar jangkaan serta memanfaatkan peluang yang muncul untuk menjamin pertumbuhan masa hadapan.
5. Tahun 2023 merupakan tahun yang cukup mencabar di mana keadaan ekonomi global yang tidak menentu turut memberi kesan kepada perancangan kewangan mahasiswa dan mahasiswi serta rakyat di Malaysia. Golongan mahasiswa serta belia adalah kelompok yang penting dalam masyarakat kerana anda adalah tampok kepimpinan Negara pada masa depan. Oleh itu, tidak dapat dinafikan, golongan ini perlu didedahkan dengan segala bentuk ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berguna bagi memastikan lahirnya masyarakat yang mempunyai tahap keilmuan dan kemahiran yang tinggi berkaitan ke arah kesejahteraan kewangan seperti yang dihasratkan oleh Negara. Diharapkan ilmu yang diperolehi dalam program kali ini dapat diserap dan diaplikasi dengan baik oleh anda semua.

UCAPAN PERASMIAN MAJLIS PERASMIAN PROGRAM GLOBAL MONEY WEEK 2023

6. Saya beranggapan, penganjuran GLOBAL MONEY WEEK ini adalah tepat pada masanya dalam memberi pengetahuan tentang teknik dan cara terbaik dalam menguruskan kewangan peribadi anda. Kajian *RinggitPlus Malaysian Financial Literacy Survey (RMFLS)* (2022) menunjukkan, status kewangan rakyat di Malaysia kini masih berada dalam keadaan yang membimbangkan, Rakyat daripada semua lapisan masyarakat menghadapi cabaran kewangan yang parah menyebabkan mereka terdedah kepada kejutan kewangan, dimana sebanyak 70 peratus daripada responden, mempunyai tahap kewangan yang sangat membimbangkan kerana mempunyai simpanan kurang daripada RM500 sebulan atau tidak menyimpan langsung. Bilangan rakyat Malaysia yang mampu menyimpan lebih daripada RM1,500 sebulan juga telah menurun dengan ketara, daripada 20 peratus pada tahun 2020 kepada lima peratus pada tahun 2022, iaitu penurunan empat kali ganda lebih rendah dan faktor ini disebabkan rakyat hanya bergantung kepada gaji dan pendapatan semasa untuk menampung sara hidup.
7. Saya menyeru semua hadirin untuk mengambil intipati program ini dan bersama mengubah cara pengurusan kewangan kita ke landasan yang tepat dan akhir kalam, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat bagi menjayakan program hari ini. Saya akan terus menyokong penganjuran program seumpama ini yang mampu memberi impak kepada nilai akademik UniSHAMS serta dan menambah nilai kepada kepada pembangunan pelajar di universiti ini.
8. Dengan lafaz Bismilahir Rahmannir Rahim saya merasmikan *GLOBAL MONEY WEEK – FINANCIAL WELLBEING 2023* UniSHAMS-KWSP.
9. Wabillahi taufiq wal hidayah, assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.

----- TAMAT -----